

30 APR 1999

Mahathir-Asia

ASIA MESTI DIBINA SEMULA MENERUSI ASAS LEBIH KUKUH SELEPAS KRISIS

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Asia yang terjejas teruk oleh krisis kewangan, mesti dibina semula menerusi asas yang lebih kental daripada sebelumnya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Semasa melahirkan pendapat beliau dalam buku terbarunya, "A New Deal For Asia" (Pelanduk Publications) yang akan dikeluarkan awal Mei, beliau berkata Asia mesti sekali lagi memberi tumpuan pada masa depan selepas krisis kewangan memiskinkan rantau ini.

"Kita mesti melangkah ke depan tanpa rasa penat dalam usaha kita untuk memulihkan kembali bukan sahaja nilai pasaran kita, tetapi juga maruah dan keyakinan rakyat kita. Sudah tentu kita juga mesti berusaha menghapuskan sebarang kronisme atau rasuah yang mungkin mengganggu pelaksanaan ekonomi yang berdaya maju dan sihat," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun menyatakan bahawa tiada satu pun daripada perkara itu dapat dilakukan secara bersendirian.

"Asia mungkin boleh berusaha membina semula ekonomi mereka tetapi hanya akan mendapati pasaran kewangan mereka sekali lagi diserang oleh pedagang yang tidak berhati perut. Ketamakan yang tidak terkawal mungkin sekali lagi menghapuskan segala penat lelah dan usaha keras bertahun-tahun lamanya.

Tetapi menurut Dr Mahathir, yang menyatakan bahawa beliau yang menyaksikan sendiri gelombang pemusnahan yang merebak di seluruh rantau ini, menegaskan bahawa pengajaran yang dunia perlu belajar daripada krisis Asia ialah bahawa "kita semua berkongsi nasib yang sama, dan kini perlu ada kesediaan untuk mencabar beberapa rukun paling asas kapitalisme global".

Katanya persoalannya ialah sama ada kuasa terkemuka ekonomi dunia menyedarinya dan mengambil tindakan sebelum pasaran mereka sendiri jatuh dan runtuh.

"Perlukan Dow Jones jatuh merudum dan mengalami semua kesengsaraan dan kemarahan sebelum dunia menyedarinya?" beliau bertanya.

Sambil menyatakan bahawa beliau berharap perkara ini tidak akan berlaku, Dr Mahathir berkata orang ramai boleh bertindak secara berpadu untuk menghalang azab dan kemiskinan yang lebih teruk.

Perdana Menteri menegaskan bahawa sikap tamakkan wang yang tiada hadnya dan mengaut kekayaan segera telah memiskinkan Asia.

Sebuah rantau yang berbangga dengan pencapaian ekonominya untuk beberapa dekad lamanya, dan mendapat pujian negara-negara seluruh dunia sebagai enjin pertumbuhan dan kemakmuran global, secara tiba-tiba diserang peniaga mata wang dan spekulator kewangan, katanya.

Kegawatan di Asia, katanya, telah dengan sendirinya menyentuh perasaan dan tiba-tiba menaikkan emosi dan, sering kali, sentimen anti barat.

Orang ramai, menurut beliau, berhak untuk berasa takut dengan bentuk baru penajahan ekonomi berikutan pelabur dan perbadanan asing bertindak membeli syarikat dan saham Asia pada harga rendah.

"Iri hati dan kebencian bersarang kuat dalam hati orang ramai dan malangnya ia mungkin mengambil masa yang agak lama sebelum perasaan itu reda," kata Dr Mahathir.

Mengenai globalisasi dan liberalisasi perdagangan, beliau berkata di sebalik apa yang digambarkan mengenai beliau sebagai penentang dasar-dasar seperti itu, beliau sebenarnya percaya dengannya.

Beliau juga percaya dengan usaha merombak undang-undang dan peraturan negara yang mengganggu aliran perdagangan dan modal merentasi sempadan.

Dalam buku itu, Dr Mahathir berkongsi pendapat dan wawasannya mengenai

perkara itu dan bagaimana beliau melihat beberapa amalan perniagaan tertentu yang telah menyebabkan kerosakan dan huru hara kepada dunia, terutama pedagang penyangak yang menyebabkan huru hara kepada ekonomi Asia tertentu dan mengheret Asia ke dalam krisis kewangan.

Katanya, "Jika globalisasi dan pasaran terbuka menyumbang kepada pertumbuhan sebenar dan mengkayakan orang ramai, perlu ada mekanisme pengawalan tertentu atau undang-undang bagi semua orang mematuhi. Tanpa semua ini, yang kuat dan yang mengamalkan rasuah akan memerintah dan berkuasa dan kerakusan terhadap wang akan dibenarkan menetapkan agenda ekonomi global."

"Adakah ini yang sedang disokong? Adakah itu apa yang diinginkan oleh negara-negara Barat yang mewujudkan sistem itu dan terus menyokong nilai-nilainya?" beliau bertanya.

Tetapi Dr Mahathir yang mengambil pendirian bahawa tiada gunanya menangisi susu yang telah tumpah, berkata: "Sekarang bukan masanya untuk tuduh-menuduh, tetapi mengkaji semula kaedah fungsi sistem ekonomi global kita. Namun, saya belum melihat perkara ini dibincangkan dalam media utama Barat.

"Mereka melaporkan pergerakan harian pasaran saham dan mata wang di seluruh dunia. Pengurus dana dan penganalisis kewangan dirujuk untuk memberikan nasihat dan ramalan seolah-olah mereka keramat pada masa ini.

"Tiada sesiapa mempersoalkan hak pedagang mata wang dan broker saham mempermainkan nasib sesebuah negara dalam hasrat mereka untuk mengaut keuntungan lebih banyak. Tiada sesiapa mempersoalkan secara serius kenapa transaksi mata wang tidak perlu dicukai atau diawasi seperti perdagangan konvensional."

Pembabitan dalam perdagangan mata wang, menurut Dr Mahathir, dikatakan 20 kali lebih besar dari segi keuntungan daripada perdagangan barangan dan perkhidmatan, namun hanya beberapa kerat orang mendapat keuntungan daripada perdagangan mata wang. Perdagangan mata wang hampir tiada langsung mewujudkan pekerjaan, tiada pertumbuhan dalam perniagaan atau memberikan kekayaan kepada orang biasa.

"Adakah terdapat sesuatu yang suci mengenai perdagangan mata wang sehingga dibiarkan bebas daripada cukai dan terlepas daripada pengawasan serius orang ramai? Bagaimana kuasa Barat boleh memperjuangkan demokrasi dan mendesak lebih ketelusan negara-negara Asia sedangkan kaedah kapitalisme global mereka sendiri dirahsiakan dan tidak boleh dipersoalkan?" tanya Perdana Menteri.

Sambil menyatakan bahawa sudah tiba masanya untuk melanggar pantang larang itu dan membincangkan isu-isu ini secara terbuka, beliau berkata: "kini adalah masa untuk melihat ke depan dan terus mara".

-- BERNAMA

SHY/MR RHM RON